

PENGEKELASAN RIBA DAN RASIONAL PENGHARAMANNYA

SHARIFAH FAIGAH SYED ALWI

Unit Pendidikan dan Tamadun Islam
Universiti Teknologi Mara Cawangan Pahang
26400 Bandar Jengka
Pahang Darul Makmur

ABSTRAK

Riba atau faedah atau *interest* yang banyak digunakan dalam sistem kewangan dan dunia perniagaan hari ini merupakan amalan yang diharamkan dalam Islam. Riba terbahagi kepada dua jenis yang utama iaitu *riba al-Nasihah* dan *riba al-Fadl*. Allah s.w.t. telah mengharamkan riba atas beberapa rasional. Namun, yang pasti riba diharamkan ialah kerana kesan buruk yang didatangkan kepada ekonomi negara dan masyarakat lebih besar berbanding kebaikan.

Kata Kunci : Pengkelasan riba, rasional pengharaman, kesan ekonomi

PENDAHULUAN

Riba atau *interest* merupakan salah satu istilah dalam terminologi Islam yang amat kerap ditimbulkan dalam persoalan kewangan. Islam mengharamkan sebarang amalan riba dalam sistem ekonomi dan kewangannya manakala riba merupakan *fundamental* atau teras dalam sistem ekonomi konvensional. Sesungguhnya ajaran Islam datang sebagai tanda rahmat dan kasih sayang Allah s.w.t. kepada seluruh umat manusia dalam setiap aspek kehidupan.

Definisi *al-Riba* dari sudut bahasa bererti *al-Ziyadah* iaitu pertambahan, *Al-Numuwuww* iaitu berkembang, *al-Idafah* iaitu lebihan kepada sesuatu dan *al-Nama'* iaitu tumbuh atau bertambah besar. Manakala definisi riba menurut istilah syarak pula ialah penentuan awalan lebihan daripada jumlah pokok pinjaman yang diterima oleh si pemiutang secara bersyarat dalam jangka masa yang tertentu. Riba boleh berlaku dalam dunia perniagaan hari ini dalam pelbagai bentuk. Adalah amat penting bagi umat Islam untuk memahami bentuk-bentuk riba yang diharamkan Allah swt di dalam *al-Qur'an* dan juga riba yang terdapat dalam *al-Sunnah* Rasulullah s.a.w.

Institusi kewangan di Malaysia hari ini banyak mengamalkan pemberian pinjaman kewangan kepada pelanggan-pelanggannya dan mengambil keuntungan di atas pinjaman yang diberikan. Islam bukanlah agama yang mengharamkan sebarang bentuk pinjaman kewangan. Apa yang penting ialah dalam setiap pemberian pinjaman wang yang diberikan, pemberi pinjaman wang perlu memastikan tidak ada sebarang penetapan syarat agar jumlah pinjaman yang diberikan mesti dibayar dengan jumlah yang lebih banyak. Begitu juga dengan pertukaran barangan *ribawi*, terdapat beberapa syarat pertukaran yang telah ditetapkan oleh Rasulullah s.a.w. agar tidak berlaku unsur riba atau penindasan pada transaksi yang berlaku.

Pengkelasan Riba

Menurut Imam Ibn Rusyd, "Semua ulama telah bersepakat bahawa riba itu terjadi pada dua perkara iaitu pada urusan *bay'* (jual beli) dan keduanya pada tanggungan urusan kredit (hutang), sama ada hutang itu berpunca daripada

urusniaga jual beli atau pinjaman atau sebagainya." Oleh kerana itulah, para ulama dan sarjana Islam cenderung mengelaskan riba kepada dua kelas utama iaitu Riba Hutang Piutang atau *Riba al-Nasi'ah* dan Riba Jual Beli atau *Riba al-Fadl*.

i- Riba Hutang Piutang atau *Riba al-Nasi'ah*

Menurut Imam Fakhr al-Razi, "*Riba al-Nasi'ah* ialah keadaan di mana mereka meminjamkan sejumlah harta (wang) kepada seseorang sehingga tempoh tertentu dan menerima daripada si penghutang sejumlah wang yang telah ditetapkan setiap bulan dengan keadaan pinjaman pokok masih berbaki. Apabila sampai tempoh pembayaran yang dijanjikan dan si penghutang tidak mampu melangsakan hutangnya, maka jumlah hutang akan bertambah dengan dilanjutkan lagi tempoh pembayaran.

Manakala para ulama seperti Ibn Qudamah dan Ibn Taimiyyah berpendapat bahawa *riba al-Nasi'ah* merupakan amalan meminjamkan sesuatu (wang atau barang) secara bersyarat yang diterima pakai oleh masyarakat Arab pada zaman Jahiliyyah. Secara lebih jelas ianya merupakan proses pemberian pinjaman di atas persefahaman bahawa di akhir tempoh pinjaman, peminjam akan memulangkan barang yang dipinjam dengan jumlah sekali ganda atau lebih dari jumlah yang dipinjam.

Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah menamakan *riba al-nasi'ah* ini sebagai *al-Riba al-Jaliyy* atau Riba Terang (Nyata) untuk membezakannya daripada riba jenis yang satu lagi (*riba al-Fadl*) yang digelar *al-Riba al-Khafiyy* atau Riba Tersembunyi. Beliau mengatakan *riba al-Jaliyy* atau *riba al-nasi'ah* ini diamalkan oleh orang Arab Jahiliyyah yang pada kebiasaannya menangguhkan tempoh pembayaran hutang dengan tambahan kepada pinjaman pokok yang diberikan. Lebih lama tempoh pinjaman diberikan, lebih banyak tambahan yang dikenakan oleh peminjam sehinggakan jumlah modal beserta tambahan menjadi berganda atau berlipat kali ganda.

Riba al-Nasi'ah adalah riba yang wujud pada zaman Jahiliyyah iaitu zaman sebelum kedatangan Islam dan kerana itulah ia juga digelar *riba al-Jahiliyyah*. Disebabkan pengharaman riba jenis ini hanya terdapat di dalam *al-Qur'an*, maka ia juga digelar *riba al-Qur'an*.

Perkataan *nasi'ah* berasal dari akar umbi bahasa Arab *nasa'a* yang bererti ditunda, ditangguh atau ditunggu. Ianya merujuk kepada tempoh masa yang diberikan kepada peminjam untuk membayar kembali hutangnya selepas tamat tempoh asal hutang. Masa yang dilanjutkan ini adalah sebagai balasan kepada wang tambahan daripada jumlah pokok pinjaman atau *premium* di atas pemanjangan tempoh masa pembayaran hutang tersebut. Wang tambahan atas pinjaman pokok inilah yang dinamakan *riba al-Nasi'ah*.

Riba al-Nasi'ah ini merupakan riba yang diamalkan oleh bank dan institusi kewangan yang ada di dunia hari ini. Bank dan institusi kewangan ini memberi pinjaman wang kepada syarikat atau orang perseorangan dengan mengenakan kadar peratus tertentu seperti 5 atau 10 peratus. Dalam usaha menambah modal, pihak bank atau institusi kewangan ini meminjam pula dari bank lain atau syarikat atau orang perseorangan yang menyimpan wang di bank. Pihak bank akan memberi faedah tetap kepada penyimpan-penyimpan wang di bank dengan kadar faedah yang tertentu mengikut bentuk simpanan dan persetujuan di antara bank dan pihak penyimpan.

ii- Riba Jual Beli atau *Riba al-Fadl*

Larangan bagi riba jual beli atau *riba al-Fadl* ini adalah berdasarkan *hadith* Rasulullah s.a.w. semata-mata. Di antara *hadith-hadith* Rasulullah s.a.w. berkenaan *riba al-Fadl* ini adalah seperti berikut :

Hadith Pertama :

Diriwayatkan oleh 'Ubadah bin al-Samit bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda: "Tukarkanlah emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma, garam dengan garam dengan kuantiti yang sama dan dari tangan ke tangan (secara tunai) semasa pertukaran itu dibuat. Tetapi jika terdapat perbezaan dari segi jenis (bukan barangan sejenis), maka tukarkanlah ia mengikut kesukaan kamu, tetapi hendaklah ditukar dari tangan ke tangan (secara tunai)."

Hadith Kedua :

Abu Sa'id al-Khudri meriwayatkan daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah s.a.w. telah melantik seseorang sebagai Gabenor Khaibar. Beliau telah membawa kurma yang bermutu tinggi kepada Rasulullah s.a.w. yang bersabda : "Ada penduduk Khaibar menghasilkan kurma yang sama di seluruh negara?" Beliau menjawab, "Tidak. Demi Allah Ya Rasulullah. Kami membeli satu sa' kurma seperti ini (bermutu tinggi) dengan dua sa' kurma dari jenis yang lain." Rasulullah s.a.w. bersabda, "Jangan buat begitu (lagi). Mula-mula kamu mesti jual kurma (yang bermutu rendah) itu pada harga pasaran dan kemudian kamu belilah kurma yang bermutu tinggi. Apabila kamu menukar kurma dengan kurma, timbangannya (kuantiti) mestilah sama."

Hadith Ketiga :

Diriwayatkan oleh Abu Sa'id al-Khudri bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Janganlah kamu menukarkan emas dengan emas dan perak dengan perak melainkan dengan kuantiti yang sama dan janganlah menukarkan apa-apa barangan yang sama dengan kuantiti yang lebih rendah dan janganlah menukarkan apa-apa barangan yang ada dengan barangan yang tidak ada."

Oleh kerana dalil pengharaman *riba al-Fadl* ini hanya terdapat dalam *hadith*, maka riba jenis ini juga dikenali dengan *riba al-Sunnah*. Orang-orang Arab Jahiliyyah dan selepas kedatangan Islam tidak menyedari bahawa dalam urusan jual beli secara sistem *barter* (pertukaran barangan dengan barangan) terdapat unsur-unsur riba. Contohnya amalan menukar emas dengan emas dan perak dengan perak dengan pertukaran secara bertangguh adalah riba di sisi Islam. Kekeliruan mengenai sifat *riba al-Fadl* ini juga berlaku di kalangan para sahabat Rasulullah s.a.w..

Riba al-Fadl ini tidak tergolong dalam bentuk *riba al-Jahiliyyah* kerana ia tidak disebut dengan jelas dalam *al-Qur'an*. Namun begitu, istilah atau pengertian riba memang terkandung di dalam *riba al-Fadl* kerana ia disebut di dalam *hadith* Rasulullah s.a.w.. Rasulullah s.a.w. tidak menghadkan definisi riba kepada urusan kredit yang melibatkan wang semata-mata bahkan ia meliputi semua bentuk penjualan atau pembelian barang secara sistem *barter*. Tujuan utama pengharaman *riba al-Fadl* ini adalah untuk menghapuskan kemungkinan berlaku penindasan dan ketidakadilan samalah seperti tujuan pengharaman riba di atas pinjaman wang.

Dalam sebuah *hadith*, Rasulullah s.a.w. meminta agar emas, perak, gandum, barli, tamar dan garam apabila dijadikan barangan pertukaran yang sama jenis, ia hendaklah dalam bentuk pertukaran yang serta merta (tunai), sama banyak dan serupa. Ringkasnya, unsur riba wujud dalam pertukaran barang-barang dari jenis yang sama tetapi berlainan kualiti.

Riba al-Fadl boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu ;

i- ***Riba al-Fadl*** : Pertukaran (jual beli) barangan *ribawi* sesama jenis dengan tambahan kuantiti pada salah satu pihak (kuantiti barang yang ditukar tidak sama)

ii- ***Riba al-Nasa'***: Pertukaran (jual beli) barangan *ribawi* yang sejenis dan ditukar dalam kuantiti yang sama tetapi tidak secara tunai (bertanggung). Bagi pertukaran barangan *ribawi* dengan barangan *ribawi* yang lain (tidak dari jenis yang sama) tetapi secara bertanggung juga merupakan riba.

Rasional Pengharaman Riba

Amaran keras terhadap amalan riba yang terdapat di dalam *al-Qur'an* merupakan satu cara Islam melahirkan sistem ekonomi yang bebas dari segala bentuk eksploitasi. Ini kerana matlamat utama Islam adalah melahirkan satu masyarakat yang hidup aman harmoni dan sentiasa berkerjasama dan bukannya masyarakat yang sentiasa hidup dalam persaingan dan perang ekonomi di kalangan mereka.

Kadangkala terdapat pertanyaan yang mempersoalkan rasional Allah s.w.t. mengharamkan riba. Terdapat juga pendapat yang enggan membahaskan perintah Allah s.w.t. tersebut dengan alasan setiap perintah Allah adalah yang terbaik dan tidak perlu diperbincangkan kerasionalannya. Namun, ada juga pendapat yang merasakan perlunya dikaji rasional Allah s.w.t. mengharamkan riba bagi memberi kefahaman yang jitu terhadap perintah tersebut kepada orang-orang Islam dan bukan Islam.

Pengharaman riba merupakan kehendak dan kasih sayang Allah s.w.t. untuk memberi perlindungan kepada golongan lemah dan miskin daripada ditindas oleh golongan kuat dan kaya. Dalam masa yang sama pengharaman riba akan menggalakkan para pelabur dan pengusaha untuk bekerjasama dari segi modal dan kepakaran masing-masing seperti dalam bentuk perkongsian *al-Mudharabah* yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w sendiri. Perkongsian ini adalah sebagai alternatif kepada golongan pengusaha yang terpaksa meminjam wang dengan cara riba yang menindas mereka.

Umat Islam juga dilarang sama sekali memakan ganjaran yang bukan merupakan hasil usaha tangannya sendiri. Apatah lagi jika ganjaran itu diperolehi dengan cara menekan pihak lain. Perkara ini banyak kali disebut dalam *al-Qur'an* dan *al-Hadith*. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud ;

"Dan katakan (Wahai Muhammad): Bekerjalah kamu! Allah, RasulNya dan orang-orang beriman akan melihat pekerjaanmu, dan kamu akan dikembalikan kepada yang Maha Mengetahui akan yang tersembunyi dan yang nyata, lalu diberitakannya kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan."

Surah al-Bara'ah (9): 105

Firman Allah s.w.t. lagi yang bermaksud ;

"Iaitu seorang pemikul beban tiada dapat memikul beban orang lain; Dan bahawa manusia itu memperoleh apa yang diusahakannya; Dan bahawa (hasil) usahanya nanti akan dilihatnya; Kemudian itu diberikan kepadanya balasan yang cukup."

Surah al-Najm (53) : 38-41

Seorang pemberi pinjaman dengan riba tidak berhak mengambil lebih atau tambahan wang ke atas sebarang pinjaman yang dikeluarkan kepada peminjam atau penghutang. Di dalam Islam, orang yang memberi pinjaman atau pemiutang tidak berhak mendapat sebarang ganjaran tambahan daripada orang yang berhutang atas pinjaman yang diberikan. Bagi pemiutang, wang yang dipinjamkan hanyalah sebagai modal yang tidak boleh dieksploitasikan. Manakala bagi penghutang pula, wang yang dipinjam boleh digunakan untuk tujuan membeli barangan keperluan harian atau tujuan pelaburan dan perniagaan.

Untuk memudahkan lagi pemahaman mengenai rasional pengharaman riba di dalam Islam boleh dilihat dari konteks perkara asas dalam sistem ekonomi Islam iaitu;

- i- Setiap individu dalam masyarakat perlu mempunyai pendapatan yang mencukupi iaitu pada paras sara hidup yang paling minima.
- ii- Pengumpulan harta pada golongan atau kelompok tertentu dalam masyarakat perlu dielakkan.
- iii- Aktiviti 'sorok barang' tidak dibenarkan dan penggunaan kekayaan pada tujuan produktiviti perlu digalakkan.
- iv- Sistem ekonomi perlu berperanan dengan baik sehingga tidak wujud golongan yang tidak mempunyai pekerjaan. Ganjaran yang diberikan kepada individu adalah sebagai balasan terhadap usaha yang dilakukan kecuali dalam kes-kes tertentu seperti orang cacat dan individu yang secara semula jadi tidak bekerja.

Rasional pengharaman riba juga boleh dilihat, jika kita mengkaji konsep Islam terhadap hak-hak harta. Terdapat dua bentuk tuntutan individu terhadap harta yang diiktiraf oleh Islam. Pertama, hak harta terhasil melalui gabungan usaha dan sumber seseorang individu. Kedua, harta diperolehi melalui proses pertukaran, pemberian atau warisan. Dalam kes pinjaman wang pula, ianya merupakan pemindahan hak-hak yang telah disebutkan tadi daripada pemiutang kepada penghutang dan sepatutnya hak tersebut sahajalah yang harus dituntut. Pinjaman berasaskan faedah atau riba adalah tidak adil kerana hak kepada harta penghutang diwujudkan untuk pemiutang tanpa mengambil kira hasil atau penggunaan wang tersebut. Menurut perspektif Islam, faedah atau tambahan yang dikenakan ke atas wang yang dipinjamkan tidak boleh dijustifikasikan kerana faedah atau riba adalah hak harta yang dituntut di luar kerangka hak-hak harta individu yang diiktiraf oleh Islam.

Kesan Riba Pada Kehidupan Manusia

Kesan riba pada kehidupan manusia begitu banyak sekali terutamanya dari segi ekonomi, politik dan sosial.

- i- **Melahirkan satu sistem pulangan ekonomi yang tidak saksama**

Satu sistem pulangan ekonomi yang tidak saksama akan lahir dari sistem riba. sesuatu projek pengeluaran hendak dilaksanakan melibatkan berbagai risiko. Kesemua faktor pengeluaran seperti modal, tanah, buruh dan keusahawanan seharusnya bersama-sama menanggung sebarang risiko serta berkongsi untung

dan rugi. Sebaliknya dalam sistem riba pemilik modal diberi jaminan tetap dan positif (dalam bentuk bunga) sama ada sesuatu projek itu berjaya atau tidak. Seandainya seseorang pengusaha meminjam wang untuk menjalankan sesuatu projek, pemberi pinjaman itu akan dijamin pembayaran balik modal pinjaman berserta dengan riba atau tambahan keatas pinjaman tersebut tanpa mengambil kira sama ada projek itu berjaya atau sebaliknya. Pengusaha sahaja yang terpaksa menanggung sebarang risiko projek tersebut. Seandainya projek itu gagal, pengusaha bukan sahaja kerugian usaha dan masa bahkan terpaksa membayar kembali modal pinjaman dan juga bunganya.

ii- **Meningkatkan harga komoditi (barangan) di pasaran.**

Harga komoditi di pasaran akan meningkat. Fenomena ini berlaku kerana kebanyakan pengusaha atau peniaga memulakan perniagaan atau mengeluarkan barangan mereka dengan bantuan pinjaman dari pihak bank konvensional yang terikat dengan riba. Pihak bank pada kebiasaannya mengenakan kadar faedah atau kadar riba yang tertentu ke atas pinjaman yang 'diberikan'. Kadar faedah ini pula sentiasa berubah-ubah berdasarkan kos dana yang berubah-ubah mengikut perkembangan semasa ekonomi negara. Tatkala ekonomi negara mengalami peningkatan, kadar faedah akan rendah. Manakala di saat ekonomi negara merudum, kadar faedah akan meningkat.

Pihak pengusaha yang terpaksa membayar pinjaman dengan riba akan mengalihkan atau mengagihkan hutang mereka kepada pengguna iaitu dengan cara menaikkan harga barangan atau perkhidmatan. Di kala kadar faedah yang dikenakan oleh pihak bank tinggi, maka tinggilah harga barangan di pasaran dan begitulah sebaliknya. Keadaan yang lebih buruk akan mengakibatkan inflasi.

iii- **Inflasi**

Inflasi ialah suatu keadaan yang dialami oleh sesebuah ekonomi yang menunjukkan kenaikan tingkat harga umum yang berterusan. Says, ahli ekonomi Perancis memberi tafsiran kepada inflasi sebagai '*terlampau banyak wang memburu sedikit barang*'. Ini berlaku apabila ada keadaan yang mendorong kenaikan tingkat harga umum. Inflasi hanya berlaku jika harga barang-barang lain di pasaran tidak turun.

Daripada definisi inflasi yang diberikan di atas, jelaslah inflasi juga merupakan salah satu kesan yang lahir dari sistem riba. Menurut Jaferhusen I. Laliwala, "*Inflasi adalah satu keadaan di mana wang mengalami kejatuhan nilai. Kenapa ini berlaku ? Ini kerana, nilai sebenar wang seperti nilai barangan yang lain ditentukan oleh permintaan dan penawaran. Jika penawaran wang bertambah melebihi dari permintaan wang, nilai wang (seperti nilai lain-lain barangan yang penawarannya melebihi permintaan) akan jatuh, yang menunjukkan kenaikan tingkat harga umum*".

Oleh itu jelaslah kesan riba dari segi kenaikan harga barangan di pasaran mempunyai kaitan rapat dengan kesan riba dari segi menimbulkan masalah inflasi di dalam ekonomi.

iv- **Kuasa Beli**

Kuasa beli atau keupayaan membeli sesebuah masyarakat adalah bergantung kepada harga barangan di pasaran. permintaan terhadap barangan akan meningkat apabila harga rendah atau menurun. Sebaliknya, permintaan terhadap sesuatu barangan akan berkurangan apabila harga tinggi atau meningkat. Harga barangan di

pasaran pula kebanyakannya bergantung kepada turun naik kadar faedah kerana kebanyakan pengusaha bergantung kepada pinjaman modal yang diberikan oleh pihak bank atau pemberi pinjaman yang berasaskan riba.

Kuasa beli golongan miskin atau pertengahan akan berkurangan lantas mereka akan mengurangkan permintaan terhadap barangan yang biasa dibeli. Secara tidak langsung industri yang terlibat dalam menghasilkan barangan keperluan golongan ini akan menerima kesan daripada kejatuhan tingkat permintaan tersebut. Secara beransur-ansur dalam jangka masa panjang fenomena yang berlaku ini akan memperlambatkan pembangunan industri-industri terbabit dan menghalang kemajuan serta perkembangan ekonomi sesebuah masyarakat.

v- **Pengangguran**

Dalam sesebuah sistem ekonomi yang berlandaskan riba, banyak syarikat atau individu yang bergantung kepada pinjaman bank akan mengalami kerugian apabila kadar faedah dinaikkan oleh pihak bank. Ramai pekerja akan diberhentikan sebagai langkah penjimatan kos oleh pihak syarikat. Di dalam keadaan ekonomi merudum, masalah pengangguran akan timbul. Ini kerana, pihak pengusaha sesuatu barangan terpaksa mengurangkan atau memberhentikan pengeluaran akibat dari permintaan pasaran yang tidak menggalakkan.

Begitu juga dengan keadaan pengusaha yang mempunyai kepakaran atau kemahiran dalam bidang perniagaan tetapi tidak mempunyai modal untuk memulakan perniagaan. Pemberi pinjaman wang atau pihak bank kebiasaannya meminta cagaran (yang tidak kurang nilainya dari jumlah pinjaman) sebagai jaminan dari pihak peminjam. Cagaran ini bagi memastikan modal serta faedah yang dikenakan tetap menjadi milik pemberi pinjaman sekalipun perniagaan atau projek yang dijalankan pengusaha gagal. Apabila pemberi pinjaman wang lebih mementingkan cagaran daripada daya maju dan keupayaan sesuatu projek untuk mendapatkan keuntungan, penyaluran dana secara tidak saksama akan berlaku dalam ekonomi.

Kes yang sama berlaku dalam kecenderungan pihak pemberi pinjaman dan pihak bank memberi pinjaman modal kepada industri yang membayar bunga lebih tinggi walaupun industri tersebut kurang bermanfaat kepada masyarakat. Dalam erti kata lain ialah seorang pelabur enggan melabur dalam sesuatu perusahaan apabila kadar pulangan daripada pelaburan kurang daripada kadar faedah semasa yang boleh didapati dengan simpanan tetap atau pelaburan dalam bank-bank perdagangan. Sebagai contoh ialah apabila kadar faedah semasa yang boleh diberikan oleh pihak bank kepada penyimpan di bank ialah 4 peratus sedangkan pulangan pelaburan dalam projek membina tali air secara tidak langsung hanya menjanjikan pulangan sebanyak 3 peratus sahaja. Pelaburan dalam projek tali air ini tidak dilihat oleh para pelabur sebagai pelaburan yang produktif walaupun ia begitu bermanfaat kepada masyarakat.

Sikap tamak golongan pelabur atau pemodal ini akan menyekat pengaliran masuk modal ke dalam industri-industri yang berfaedah kepada masyarakat. Keadaan yang lebih buruk akan berlaku apabila sumber-sumber tenaga terbiar tidak dieksploitasi menyebabkan pembangunan industri-industri tertentu terbantut akibat ketiadaan modal.

vi- Hutang Antarabangsa

Suatu krisis hutang negara-negara membangun telah berlaku pada awal tahun 1980 an. Beberapa buah negara seperti Mexico dan Brazil menghadapi kesulitan besar dalam pembayaran hutang luar negara disebabkan kenaikan kadar bunga yang tidak dijangka serta kemerosotan harga barangan utama negara.

Masalah hutang luar negara dialami oleh hampir keseluruhan negara di dunia hari ini terutamanya negara-negara dunia ketiga. Negara-negara ini terpaksa meminjam dari negara-negara kaya atau dari Tabung Kewangan Antarabangsa (*International Monetary Fund-IMF*) untuk menampung keperluan asas negara atau bagi tujuan memajukan ekonomi negara. Negara atau badan yang memberi pinjaman ini pastinya mengenakan syarat-syarat tertentu kepada negara peminjam seperti kadar faedah dan tempoh masa sesuatu pinjaman diberikan. Keadaan agak menyedihkan bila mana negara peminjam tidak mampu membayar hutang mereka dalam tempoh yang ditetapkan malahan terpaksa pula membayar bunga berserta dengan pinjaman pokok.

Menurut Bob Geldof, negara-negara Afrika menerima bantuan pinjaman daripada bank-bank negara barat sebanyak 3 billion dolar dan terpaksa membayar balik sebanyak 6 billion dolar. Kerajaan terpaksa berhutang kerana ia memerlukan sumber dana yang amat besar untuk membangun, mentadbir dan mempertahankan negara. Jika hutang negara bertambah besar, ia boleh menghancurkan ekonomi sesebuah negara dan rakyat serta generasi akan datang terpaksa menanggung hutang tersebut. Negara membangun yang mencari bantuan pinjaman wang daripada negara-negara maju dan badan-badan kewangan tertentu ini sebenarnya kelihatan seperti telah dieksploitasi dan bukannya diberi pertolongan seperti yang diharapkan.

vii- Jurang Pendapatan Golongan Kaya dan Miskin Bertambah Besar

Fenomena ini berlaku kerana arah aliran harta mengalir dari golongan miskin kepada golongan kaya. Dengan kata lain berlaku pemindahan harta atau kekayaan daripada orang miskin kepada orang kaya dalam sistem ekonomi yang berasaskan riba. Peranan ini banyak dimainkan oleh agen ekonomi kapitalis seperti bank-bank perdagangan yang memberi pinjaman wang berasaskan sistem riba. Begitu juga dengan kekayaan yang dikumpul oleh golongan pemberi pinjaman wang yang sentiasa mengaut keuntungan tanpa mengira kesusahan yang dialami oleh golongan peminjam.

Islam menentang sekeras-kerasnya sistem riba yang menindas golongan miskin. Sistem riba ini juga menggalakkan perlonggokan dan penimbunan harta pada segelintir manusia dalam masyarakat. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud ;

"...supaya harta jangan hanya beredar di kalangan orang-orang yang mampu di kalangan kamu..."

Surah al-Hasyr (59) : 7

Allah s.w.t. mewajibkan golongan kaya membantu golongan miskin dan tidak berkemampuan melalui pengeluaran zakat harta yang akan diagihkan kepada golongan miskin tersebut. Apa yang paling ditakuti ialah dengan adanya jurang perbezaan pendapatan di antara golongan kaya dan miskin ini akan membawa kepada perseteruan dan permusuhan di kalangan manusia. Ini kerana golongan

miskin akan merasa tidak puas hati dan timbul perasaan dengki terhadap golongan kaya.

viii- **Melahirkan Akhlak Buruk Di kalangan Manusia**

Sistem riba akan melahirkan individu-individu yang mempunyai sifat pentingkan diri sendiri, kedekut, tamak dan berniat jahat. Ini kerana perbuatan memberi pinjaman berasaskan riba menggambarkan sifat pemberi pinjam wang yang hanya mementingkan agar dia memperoleh kembali wang yang telah dikeluarkan beserta dengan faedah tanpa mengira untung nasib si peminjam.

Amalan riba juga melahirkan sifat malas dan tidak mahu berkerja di kalangan golongan pemberi pinjaman riba ini. Ini kerana mereka hanya menunggu faedah atau riba yang bakal didapati dari pinjaman pokok yang telah diberikan kepada golongan peminjam. Sifat ini bertentangan sama sekali dengan konsep Islam yang menganggap berusaha bekerja mencari rezeki yang halal sebagai ibadah dan amat dituntut oleh Allah s.w.t..

Amalan riba juga menghapuskan perasaan kasih sayang dan perasaan untuk berbuat kebajikan sesama manusia. Begitu juga dengan nilai-nilai luhur yang dibawa oleh Islam seperti menggalakkan persaudaraan, perpaduan, tolong menolong dan bergotong-royong di kalangan sesama manusia. Amalan riba mewujudkan golongan manusia yang hidup dengan cara mengambil kesempatan dan mengeksploitasi golongan yang lebih lemah.

KESIMPULAN

Bukan hanya agama Islam yang mengharamkan riba tetapi ia juga diharamkan oleh agama lain seperti agama Yahudi dan Kristian. Persoalan sama ada riba menindas manusia tidak pernah timbul dalam sistem kapitalis kerana mencari keuntungan semaksima mungkin menjadi asas atau matlamat dalam urusanniaga yang mereka jalankan. Ini bertentangan sama sekali dengan sistem kewangan Islam di mana pinjaman diberikan atas semangat persaudaraan dan bantu membantu dan bukannya jalan untuk mengaut keuntungan.

Islam mengharamkan riba sebagai jaminan manusia mengembangkan ekonomi dengan cara berusaha dan bukannya mencari keuntungan dengan jalan menunggu waktu sahaja. Perbuatan bersenang lenang di atas kesusahan dan penderitaan orang lain amat dicela dan jelas bercanggah dengan nilai-nilai Islam.

RUJUKAN

Abd. Al-Rahman Zaki Ibrahim (1998), *Petunjuk Amalan Ekonomi Islam*. Mujaini Tarimin (terj.). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abul A'Ala Maududi 1984, *Economic System of Islam*. Lahore : Islamic Publications Ltd..

Ab. Mumin Ab. Ghani (Dr.) 1999, *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Abdel Moneim Mahmoud El-Gousi 1982, *Riba Islamic Law and Interest*, Ph. D. Thesis 1982, Temple University, Michigan. University Microfilms International 1986.

Afzal-ur-Rahman 1980, *Doktrin Ekonomi Islam*. Zaharah Salleh (terj.), j. 3. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad ibn 'Umar al-Syatiri t.t., *al-Yaqut al-Nafis fi Mazhab Ibn Idris*, T.T.P : T.P.

al-Jawziyyah, Ibn al-Qayyim 1955, *A'lam al-Muwaqq'in 'An Rabb al-'Alamin*, c.1, j. II. Kaherah : al-Maktabah al-Tijariyyah al-Kubra

al-Qurtubi, Abu al-Walid Muhammad b. Ahmad b. Muhammad b. Ahmad b. Rusyd 1981, *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, j. 2, c. 5. Kaherah : Syarikah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih.

al-Razi, Abu 'Abd Allah Muhammad 'Umar b. Husayn Fakhr al-Din t.t., *al-Tafsir al-Kabir*, j. 7, c. 2. Tehran : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

Anwar Iqbal Qureshi 1974, *Islam and the Theory of Interest*. Lahore : SH. Muhammad Ashraf.

al-Bukhari, Muhammad b. Isma'il Abu 'Abd Allah 1993, *Sahih al-Bukhari*.

Azlan Khalili Shamsuddin 1995, *Riba : Alternatifnya Dalam Sistem Bank Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Chapra, M. Umer 1985, *Towards a Just Monetary System*. United Kingdom : The Islamic Foundation.

Cheah Kooi Guan 1994, *Institusi-institusi Kewangan di Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pulau Pinang : Pusat Pengajian Luar Kampus Universiti sains Malaysia.

al-'Ibbadi, Dr. 'Abd Allah 1994, *Mawqifu al-Syari'ah min al-Masarif al-Islamiyyah al-Ma'asirah*, c. 2. Mesir : Dar al-Salam lil-Taba'ah wa al-Nasyri' wa al-Tawzi'.

Ibn al-'Arabi, Abu Bakar Muhammad ibn 'Abd Allah 1957, *Ahkam al-Qur'an*, j. 1. Cairo : 'Isa al-Babi al-Halabi.

Ibn Jarir 1967, *Tafsir Ibn Jarir*, j. 6. Misr : Dar Al-Ma'arif.

Ibrahim Lawson 1987, "Economic Imperialism", (no ed.), *Usury : The Root Cause of the Injustices of Our Time*. Norwich : Paid Publication.

Imtiaz Ali 1999, *Riba (Usury or Interest) Its Condemnation by the Shariah (Islamic Law) and A Proposed Alternative*. Riyadh : International Islamic Publishing House .

al-Jammal, Muhammad 'Abd al-Mun'im (Dr.) 1986, *Mansu'ah al-Iqtisad al-Islam wa Dirasah Muqaranah*, c. 2. Beirut : Dar al-Kitab al-Lubnani.

Jaferhusen I. Laliwala 1982, "Inflation in Muslim Countries : Implications for an Islamic Economy", dalam Mohammad Ariff (ed.), *Monetary and Fiscal Economics of Islam*. Jeddah : International Centre for Research in Islamic Economics.

Kharofa, Ala'eddin 1993, *Usury "Interest" or Riba*. Kuala Lumpur : A. S. Noordeen.

Al-Khatib 1972, *Mughni al-Muhtaj*, j. 2. Misr : Dar al-Wafa'.

- Mahmud Abu al-Saud 1992, "Islamic View of Riba (Usury and Interest)" dalam Sheikh Ghazali Sheikh Abot et al. (ed), *An Introduction to Islamic Finance*. Kuala Lumpur : Quill Publishers.
- Prof. Madya Dr. Mohd. Daud Bakar 1998, "Muamalah Islam dan Konvensional – Suatu Huraian". *Dewan Ekonomi*, Disember 1998.
- Muhammad Abd Mannan 1986, *Islamic Economics: Theory and Practice*. Cambridge : The Islamic Academy.
- Muhammad Abu Zahrah 1985, *Tahrim al-Riba Tanzim Iqtisadi*, c. 2. Riyadh : al-Dar al-Sa'udiyah.
- Muhammad Kamal Atiyah 1993, *Sistem Perakaunan dalam Islam*. Mohd Nor Ngah (terj.), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Nejatullahi Siddiqi 1983, *Issues in Islamic Banking – Selected Papers*. Leicester : The Islamic Foundation.
- Muslim b. al-Hajjaj b. Muslim a l-Qusyayri al-Nisaburi, Abu al-Husayn t.t., *Sahih Muslim*.
- Nabil A. Saleh 1986, *Unlawful Gain and Legitimate Profit in Islamic Law*. Cambridge : Cambridge University Press.
- Nor Mohamed Yakcop 1996, *Teori, Amalan dan Prospek Sistem Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors.
- Radiyah Abdul Kader 1995, "Bank Islam Malaysia Berhad : Market Implications", dalam Saad Al-Harran (ed), *Leading Issues in Islamic Banking and Finance*. Kuala Lumpur : Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd..
- Ramawan Abd. Rahman 1996, "Riba dan Pelbagai Isu Mengenainya". (Kertas Kerja Kursus Intensif Ekonomi Islam di Institut Teknologi Mara Shah Alam, 5-6 September 1996).
- Saad Abdul Sattar al-Harran 1993, *Islamic Finance : Partnership Financing*. Petaling Jaya : Pelanduk Publications.
- Sayyid Qutb 1983, *Fi Zilal al-Qur'an*, j. 1. Beirut : Dar al-Syuruq, h. 325.
- Al-Sabuni 1981, *Safwat al-Tafasir*, j. 1. Beirut : Dar al-Qura'n.
- Sami Hassan Homoud 1985, *Islamic Banking : The Adaptation of Banking Practice to Conform with Islamic Law*. London : Arabian Information Ltd..
- Prof. Madya Dr. Saiful Azhar Rosly 1999, "Riba dan Faedah : Apa Perbezaannya ?", *Dewan Ekonomi*, Jun 1999.
- al-Sarakhsi, Abu Bakr Muhammad ibn Abi Sa'hl t.t., *Kitab al-Mabsut*, j. 12. Cairo : Matba'at al-Sa'adah.

Sudin Haron 1996, *Prinsip dan Operasi Perbankan Islam*. Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn. Bhd..

Waqar Masood Khan 1985, *Towards an Interest Free Islamic Economic System*. United Kingdom : The Islamic Foundation and Islamabad : The International Association for Islamic Economics.

Yussof Abd. Hamid 1990, *Riba : Permasalahannya dalam Konteks Masyarakat Moden Hari ini*. Kota Bharu : Yayasan al-Khairiah.

Zakariya Man 1994, "Problems Related to the Practices of Profit Sharing Contracts" (Kertas Kerja 'Conference on Islamic Banking in Malaysia : Past, Present and Future' di Kuala Lumpur, 11 Oktober 1994)

Ziaul Haque 1995, *Riba : The Moral Economy of Usury, Interest and Profit*. Kuala Lumpur : Ikraq.

al-Zuhayli, Wahbah (Dr.) 1985, *Al-Fiqh al-Islam wa Adillatuhu*, j. 4. Syria : Dar al-Fikr.